



3.2 juta penduduk dapat vaksin penuh Julai ini

Oleh [Rafidah Mat Ruzki dan Zanariah Abd Mutualib](#) - Jun 21, 2021 @ 2:40pm
bhnews@bh.com.my

3.2 juta penduduk dapat vaksin penuh Julai ini



TERKINI

PILIHAN PEMBACA

- 17m [Juri FFM31 nilai 90 filem](#)
- 17m [Pilih calon guru berkualiti didik generasi baharu negara](#)
- 18m [Pelan Pemulihan Negara suntik pengukuhan ekonomi](#)
- 19m [MAQIS tahan makanan tambahan haiwan dari Korea Selatan](#)
- 28m [Bursa Malaysia dibuka tinggi](#)
- 33m [Pinda Akta DBP 1959 untuk daulatkan bahasa Melayu](#)
- 39m [Polis Manchester tahan aktivis pro-Palestin](#)
- 41m [Ringgit dibuka tinggi berbanding dolar AS](#)

PUTRAJAYA: Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) menyasarkan 10 peratus daripada populasi negara akan memperoleh vaksinasi penuh menjelang pertengahan Julai ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin, berkata sebanyak lapan juta dos vaksin akan diberikan menjelang akhir bulan ini dan berharap jumlah pemberian dos akan meningkat kepada 10.7 juta menjelang pertengahan Julai nanti.

Beliau berkata, bagi mencapai sasaran itu, kerajaan akan menggiatkan pemberian vaksin harian.

"Berdasarkan kepada sasaran, dengan mengambil kira bekalan vaksin dan kapasiti pusat pemberian vaksin (PPV), kami menjangka dapat mencapai 10 peratus pelalian penuh menjelang pertengahan Julai ini.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [Lebih 3 juta dos CanSino tiba bulan depan](#)
- [Pelan Pemulihan Negara strategi peralihan keluar krisis pandemik](#)

- **Negara ke fasa 2 jika purata kes bawah 4,000 7 hari berturut**
- **Pemberian vaksin cecah 400,000 dos sehari Ogos**

"Ketika ini, bagi setiap 100 dos diberikan, 30 dos adalah dos kedua. Bagi memastikan 10 peratus daripada populasi atau 3.2 juta penduduk menerima imunisasi, kita perlu memberikan vaksin terhadap 10.7 juta dos," katanya pada sidang media mingguan CITF, hari ini.

Yang turut hadir, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba.

Pada masa sama, Khairy berkata, biarpun tidak dinyatakan pada pengumuman rasmi mengenai Pelan Pemulihan Negara, jangkaan peralihan fasa pertama ke fasa kedua disasarkan pada akhir bulan ini kerana kerajaan melihat fasa pelan itu sebagai sesuatu yang dinamik.

Terdahulu, Dr Adham berkata, seperti diketahui, Pelan Pemulihan Negara mempunyai tiga indikator penting yang perlu dipenuhi iaitu bilangan kes harian, kapasiti Unit Rawatan Rapi (ICU) dan vaksinasi terhadap populasi negara.

"Kita perlu memastikan kes harian kurang daripada 4,000. Kita ada masa lagi antara 21 hingga 28 Jun, selama tujuh hari dan kita masih lagi memantau.

"Kita yakin ia akan dapat dilepasi dengan kerjasama, solidariti dan juga tekad untuk terus membendung COVID-19 yang dilaksanakan dengan pendekatan penuh kerajaan dan masyarakat," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, dakwaan mesej viral mengatakan seseorang dilarang mengambil sebarang jenis ubat bius selepas mendapatkan vaksinasi kerana dibimbangi boleh menimbulkan bahaya termasuk kematian, adalah tidak benar.

"Mereka yang menjalani pembedahan dan menggunakan bius, sama ada bagi bius setempat atau bius keseluruhan tidak menghalang untuk mereka menerima vaksin," katanya.

Dr Adham berkata, pihaknya juga mengesahkan hanya satu kes jangkitan COVID-19 kategori empat membabitkan seorang petugas kesihatan yang sudah mendapat suntikan vaksin lengkap, manakala kebanyakan kes lain pada kategori satu atau dua saja.

VAKSIN



[AMERIKA](#) 3 jam yang lepas

[Longgar sekatan perjalanan warga Kanada selesai divaksin](#)



[NASIONAL](#) 11 jam yang lepas

[Penerima vaksin Fasa Dua tetap diutamakan](#)



[NASIONAL](#) Jun 21, 2021 @ 5:43pm

[PPV Stadium Bukit Jalil beroperasi penuh seminggu lagi](#)



[NASIONAL](#) Jun 21, 2021 @ 5:22pm

[Vaksin CanSino satu dos guna untuk golongan pelarian](#)



[NASIONAL](#) Jun 21, 2021 @ 3:33pm

[Tindakan EU, AS bolot vaksin ieias](#)



[usaha Malaysia percepat imunisasi](#)



[NASIONAL Jun 21, 2021 @ 2:40pm](#)

[3.2 juta penduduk dapat vaksin penuh Julai ini](#)



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin

TRENDING



[BOLA 2 jam yang lepas](#)

[EURO: Hamann sifatkan Ronaldo 'bodoh' tunjuk kemahiran](#)



[BOLA 3 jam yang lepas](#)

[Ronaldo, Messi bergabung di Barcelona?](#)



[BOLA 4 jam yang lepas](#)

[EURO: Penonton ceroboh padang, iklan wang kripto](#)



[BOLA Jun 21, 2021 @ 8:16pm](#)

[Nike bayar Ronaldo RM845 juta](#)



[SELEBRITI Jun 21, 2021 @ 6:09pm](#)

[Rita nak bersara, hantar anak sekolah tahfiz](#)

BERITA BERKAITAN



[NASIONAL Jun 19, 2021 @ 10:31pm](#)

[Pelan Pemulihan Negara: Lebih 5.5 juta sudah divaksin](#)



[NASIONAL Mei 31, 2021 @ 6:51pm](#)

[COVID-19: Kesedaran meningkat selepas kes melonjak - Khairy](#)



[NASIONAL Jun 12, 2021 @ 3:58pm](#)

[KL sasar 30,000 dos vaksin sehari minggu depan](#)



[NASIONAL Apr 5, 2021 @ 6:01pm](#)

[Pendaftaran imunisasi mungkin dinilai semula](#)

MYRESEPI



[TIPS & PETUA](#)

[Jun 21, 2021 @ 2:16pm](#)

[Musim Durian Datang Lagi, Jom Cuba Petua Hilangkan Bau Durian & Kurangkan Panas Badan!](#)



[RESEPI](#)

[Jun 21, 2021 @ 2:15pm](#)

[Dah Jemu Makan Roti Kosong? Jom Cuba Resepi Cucur Roti Gardenia, Rangup Di Luar Tapi Lembut Di Dalam](#)



[TIPS & PETUA](#)

[Jun 18, 2021 @ 3:12pm](#)

[Nak Masukkan Buah Pelaga Dalam Masakan Tapi Tak Tahu Cara Yang Betul? Jom Cuba Tips Ini](#)



[RESEPI](#)

[Jun 18, 2021 @ 3:10pm](#)

[Hanya Guna Puff Pastri, Ini Resepi Tat Telur Portugis Ala Bakers Cottage!](#)



[TIPS & PETUA](#)

[Jun 17, 2021 @ 3:16pm](#)

[Petua Menghasilkan Kuih Bom Inti Kacang Yang Cantik & Tidak Meletup Semasa Digoreng](#)

Disyorkan untuk anda

Recommended by

Nissan's iconic Skyline sedan

Mansion Global Daily: Celebs in

15 Pairs Of Celebs With Crazy

New Device Lowers Fuel

reaches the end...**the New York...**

Nikkei Asia

Resemblance

Mansion Global

Consumption by...

Parentsdome Galleries

Car Fuel Saver

Malaysia: Work-from-home jobs in the US may p...

Working From Home | ...

Why Is This \$47 Monocular Better Than A \$3000...

tech4-you.com

Invest in Amazon and others and create a second...

Top Invest Advisor

Affordable Retirement Homes in...

Luxury Retirement | Sp...



IKUTI KAMI DI:

**BERITA**
[BHPLUS](#)
[Nasional](#)
[Kes](#)
[Politik](#)
[Pendidikan](#)
[Wilayah](#)
SUKAN
[DUNIA](#)
[HIBURAN](#)
[BISNES](#)
[RENCANA](#)
[WANITA](#)
[HUJUNG MINGGU](#)
MULTIMEDIA
[Foto](#)
[BHTV](#)
[Infografik](#)

LANGGAN
[Akhbar Digital](#)
[Akhbar BH](#)
PERKHIDMATAN
[Iklan Web](#)
[1Klassifieds](#)
[NSTP KLICK](#)